

هناك
التي
التي
التي

23 SEPTEMBER

HG33

SAMBUTAN

Hadis Guru Ke-33



**Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah
Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien
Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam**



**Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien
ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam II**



**Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda
Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda
Sultan Haji Hassanah Bolkihah Mu'izzaddin Waddaulah
Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri**

KANDUNGAN BUKU PROGRAM MAJLIS SAMBUTAN HARI GURU KE-33 TAHUN 2023

ISI KANDUNGAN

MUKA SURAT

Kata Alu-Aluan Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Dayang Hajah Romaizah binti Haji Md Salleh, Menteri Pendidikan dan Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, Menteri Hal Ehwal Ugama	1
Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Majlis Sambutan Hari Guru Negara Brunei Darussalam Ke-32 pada 27 September 2022	5
Petikan Syair Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam II	8
Huraian Tema Hari Guru Ke-33 Tahun 2023	11
Penerima-Penerima Anugerah Hari Guru Ke-30, Ke-31 dan Ke-32 Tahun 2020 hingga 2022	15
Ristaan Majlis Sambutan Hari Guru Ke-32 Tahun 2022	29
Khutbah Khas Sembahyang Fardhu Jumaat Sempena Sambutan Hari Guru Ke-32 Tahun 2022	35
Inisiatif-Inisiatif dalam Pengajaran dan Pembelajaran	39
Rancangan Aktiviti-Aktiviti Sepanjang Sambutan Hari Guru Ke-33 Tahun 2023	63
Jawatankuasa-Jawatankuasa Majlis Sambutan Hari Guru Ke-33 Tahun 2023	67
Tajaan dan Penghargaan	93

ATURCARA MAJLIS KEMUNCAK SAMBUTAN HARI GURU NEGARA BRUNEI DARUSSALAM KALI KE-33 TAHUN 2023

- 8.30 Pagi : Ketibaan Pembesar-Pembesar Negara dan para jemputan-jemputan khas
- 9.00 Pagi : Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berserta Kerabat Diraja
- : Lagu Kebangsaan "Allah Peliharakan Sultan"
 - : Bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat
 - : Bacaan Ayat-Ayat Suci Al-Qur'an dan Intisari Ayat
 - : Sembah Alu-Aluan oleh Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Dayang Hajah Romaizah binti Haji Md Salleh, Menteri Pendidikan, Negara Brunei Darussalam
 - : Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam
 - : Tayangan Klip Video
 - : Persembahan Hari Guru
 - : Pengumuman Penerima-Penerima Anugerah Hari Guru
 - : Pengurniaan Anugerah Hari Guru
 - : Selawat Tafrijiyyah
 - : Lagu Kebangsaan "Allah Peliharakan Sultan"

- : Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berserta Kerabat Diraja dijunjung berangkat ke Bilik Santap untuk santapan ringan

- : Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berserta Kerabat Diraja dijunjung untuk sesi bergambar ramai bersama penerima-penerima Anugerah Hari Guru dan Ahli-Ahli Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari Guru

- : Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berserta Kerabat Diraja dijunjung berangkat bagi menyaksikan pameran dan Majlis Junjung Ziarah

- : Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berserta Kerabat Diraja berangkat meninggalkan Majlis

هَذَا يَوْمٌ
مُبَارَكٌ

23 SEPTEMBER

HG33

SAMBUTAN
Hari Guru Ke-33

KATA ALU-ALUAN YANG BERHORMAT MENTERI PENDIDIKAN DAN YANG BERHORMAT MENTERI HAL EHWAL UGAMA



Yang Berhormat
Datin Seri Setia Dr. Dayang Hajah Romaizah
binti Haji Md Salleh
Menteri Pendidikan
Selaku Pengerusi Bersama
Sambutan Hari Guru Ke-33, Tahun 2023



Yang Berhormat
Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang
Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman
Menteri Hal EHWAL Ugama
Selaku Pengerusi Bersama
Sambutan Hari Guru Ke-33, Tahun 2023

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَبِهِ نَسْتَعِينُ عَلَى أُمُورِ الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ،
وَالصَّلَاةِ وَالسَّلَامِ عَلَى أَشْرَفِ الْمُرْسَلِينَ
سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ،

Alhamdulillah, syukur kehadiran Allah Subhanahu wa Ta'ala kerana dengan limpah rahmat dan izinNya jua kita dapat meraikan Sambutan Hari Guru Negara Brunei Darussalam Kali Ke-33 bagi Tahun 1445H / 2023M. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wassalam, keluarga, sahabat-sahabat dan pengikut-pengikut Baginda yang jujur lagi taat hingga ke akhir zaman.

Sambutan Hari Guru telah dianjurkan setiap tahun pada 23 September selama lebih tiga dekad bersempena hari keputeraan Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien Ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam, Sultan Ke-28, Negara Brunei Darussalam.

Tunggak utama dan landasan pemodenan serta inovasi pendidikan Baginda itu ialah membangun negara dengan menyediakan rakyat yang berpelajaran dan berkemahiran, yang hidup seimbang dunia dan akhiratnya di samping berkesejahteraan dalam negara yang berkeadilan.

Sambutan Hari Guru adalah juga disulami dengan semangat memperkukuhkan pendidikan senegara yang holistik, mengimbangi dinamika kemodenan Negara Brunei Darussalam dengan berpemerintahan beraja yang sentiasa diberkati oleh Allah Subhanahu Wata'ala.

Ke arah mencapai apa yang dihasratkan, tidak syak lagi, guru-guru memainkan peranan yang sangat penting dalam mencurahkan ilmu pengetahuan dan pendidikan kepada anak bangsa agar menjadi aset negara pada masa hadapan.

Pada tahun ini, sekali lagi kita berkesempatan meraikan Sambutan Hari Guru bagi menghargai dan mengenang jasa bakti guru di negara ini dengan tema "Guru Berkualiti Pemacu Transformasi Pendidikan".

Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama sentiasa berganding bahu ke arah menjana guru yang mampu menghasilkan modal insan sebagai bakal peneraju negara yang berpengetahuan dan berkemahiran tinggi sebanding dengan piawaian antarabangsa. Oleh yang demikian, para guru hendaklah sentiasa komited dalam usaha meningkatkan kompetensi dan pengetahuan serta memperkasa kemahiran selaras dengan perubahan sistem pendidikan tempatan dan antarabangsa.

Transformasi digital dalam pendidikan telah menyediakan platform yang sesuai sebagai alternatif kepada para guru untuk meneroka pelbagai kaedah pengajaran dan pembelajaran berasaskan teknologi yang canggih dan terkini. Bagi memastikan keberkesanan penyampaian pengajaran dan pembelajaran yang kreatif dan berinovasi ini, beberapa inisiatif digital yang bersesuaian giat dilaksanakan melalui Pelan Transformasi Digital 2023 hingga 2027 iaitu mendukung Pelan Induk Ekonomi Digital 2025.

Penyediaan infrastruktur teknologi yang berbentuk digital juga menjadi salah satu keutamaan bagi membantu meningkatkan kualiti para guru dan pemimpin sekolah di semua peringkat pendidikan. Usaha ini dihasratkan akan meningkatkan pencapaian akademik pelajar dengan melahirkan individu cemerlang, berbakat dan berkemahiran tinggi seterusnya memberikan sumbangan yang positif bagi merealisasikan Wawasan Brunei 2035.

Pada menjunjung titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Majlis Sambutan Hari Guru Negara Brunei Darussalam Ke-32 berkaitan dengan usaha-usaha ke arah mengurangkan '*Learning Loss*' atau Kehilangan Pembelajaran dan impak '*Educational Inequality*' atau Ketidaksaksamaan Pendidikan, Kementerian Pendidikan melalui *Education Response and Recovery Strategies* (e2Rs) sedang giat melaksanakan inisiatif Program Pemulihan Pembelajaran (*Learning Loss Recovery Programme*) bagi pendidikan rendah dan menengah dalam literasi, numerasi dan sains. Di samping itu, pelbagai program berbentuk intervensi yang relevan dan efektif dengan keperluan turut dilaksanakan di persekolahan Arab dan ugama.

Program Sokongan Pembelajaran (*Learning Support Programme*) pula adalah satu pendekatan kepada inisiatif jangka panjang sedia ada bertujuan untuk membantu pelajar-pelajar yang menghadapi kesukaran dalam menguasai kemahiran literasi dan numerasi di setiap sekolah rendah dan menengah seluruh negara.

Di samping pemulihan pembelajaran ini, Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama akan terus komited untuk memberikan tumpuan kepada penyediaan pendidikan yang holistik, inklusif dan saksama bagi meningkatkan potensi pelajar di negara ini termasuk golongan pelajar yang berkeperluan khas dan juga menaik taraf institusi pendidikan sehingga ke pengajian tinggi di kedua-dua buah kementerian.

Apa yang penting dalam menjalankan tugas, tanggungjawab dan peranan sebagai guru, Al-Qur'an dan Al-Hadits adalah merupakan panduan dan pegangan yang tidak boleh diabaikan. Dengan berbekalkan dua petunjuk yang utama ini, dihasratkan semoga pengajaran yang disampaikan dan pembelajaran yang diterima oleh pelajar akan beroleh keberkatan daripada Allah Subhanahu Wata'ala yang memberikan manfaat bukan sahaja dalam kehidupan duniawi bahkan juga ukhrawi.

Pada kesempatan ini, kami dari kedua-dua Kementerian sukacita merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada Jawatankuasa Sambutan Hari Guru Ke-33 Tahun 2023 yang telah memberikan sokongan padu dalam merancang dan memastikan acara berjalan dengan lancar dan jayanya. Semoga Allah Subhanahu Wata'ala memberikan sebaik-baik ganjaran kepada semua.

Untuk akhirnya, setinggi-tinggi tahniah diucapkan kepada guru-guru yang menerima Anugerah Hari Guru Ke-33 pada tahun ini. Sambutan Hari Guru yang diadakan setiap tahun ini adalah satu penghargaan dan pengiktirafan yang tinggi kepada semua guru-guru yang sedang berkhidmat dan juga yang telah bersara kerana jasa guru telah mampu menjana generasi dan belia yang berwawasan untuk Negara Brunei Darussalam. Terima kasih Cikgu!

وبالله التوفيق والهداية
والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

هَذَا يَوْمٌ
مُبَارَكٌ

23 SEPTEMBER

HG33

SAMBUTAN
Hari Guru Ke-33

**TITAH
KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA
SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH
MU'IZZADDIN WADDAULAH
IBNI AL-MARHUM
SULTAN HAJI OMAR 'ALI SAIFUDDIEN
SA'ADUL KHAIRI WADDIEN,
SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM,
DI MAJLIS SAMBUTAN HARI GURU
KE-32 TAHUN 2022**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ
الحمد لله رب العالمين، وبه نستعين على أمور الدنيا والدين،
والصلاة والسلام على أشرف المرسلين
سيدنا محمد وعلى آله وصحبه أجمعين،
وبعد

Beta bersyukur ke hadhrat Allah Subhanahu Wata'ala, kerana dapat hadir di Majlis Sambutan Hari Guru Negara Brunei Darussalam Kali Ke-32 pada pagi ini. Di kesempatan ini, Beta sukacita mengucapkan Selamat Hari Guru kepada semua warga guru di Negara Brunei Darussalam.

Tema Hari Guru pada tahun ini berbunyi: "Guru Berkualiti Pemacu Transformasi Pendidikan". Pada hemat Beta, tema ini sangatlah relevan terutama sekali dengan keadaan global yang mengalami perubahan ketara, khusus akibat penularan COVID-19. Dunia telah mengharungi suasana amat mencabar dalam pengajaran dan pembelajaran yang belum pernah dialami sebelumnya. Semua ini memberikan impak signifikan kepada sistem pendidikan, termasuk kepada para guru di seluruh dunia.

Dalam hubungan ini, kita wajar bersyukur, kerana pendidikan di negara ini, masih dapat diteruskan, walaupun adanya kekangan dan rintangan. Semua ini mampu dilaksanakan dengan adanya para guru yang bersemangat kental. Beta sukacita mengucapkan terima kasih kepada mereka itu.

Brunei Darussalam, turut mengambil maklum bahawa World Bank telah menganggarkan hampir 1.6 billion kanak-kanak di seluruh dunia telah terkesan dengan penutupan sekolah, semasa beberapa gelombang pandemik melanda dunia selama lebih dua tahun yang lalu. Pada gelombang pertama, purata kehilangan pembelajaran para pelajar adalah selama lebih setengah tahun bagi tempoh penutupan sekolah selama 15 minggu. Sekiranya tiada sebarang intervensi dilaksanakan, maka kehilangan pembelajaran sudah tentu boleh membawa kesan negatif jangka panjang terhadap produktiviti dan kesejahteraan para pelajar.

Beta berharap Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama akan terus menggembling tenaga ke arah mengurangkan *learning loss* atau kehilangan pembelajaran, dengan melaksanakan program pemulihan yang bersesuaian. Beta juga berharap agar kedua-dua Kementerian akan dapat meneliti kesan dan impak *educational inequality* ataupun ketidaksamaan pendidikan serta kaitannya dengan *learning loss* di kalangan kanak-kanak.

Beta yakin pengalaman semasa pandemik ini telah memaksa kita untuk melihat cara pengajaran norma baharu dan penggunaan teknologi. Secara tidak langsung, pengalaman ini juga membuka peluang inovasi dalam pendidikan, baik dari segi kurikulum, pedagogi pengajaran, teknologi pendidikan, penilaian, peperiksaan dan persekitaran sekolah. Apabila sekolah kini telah dibuka sepenuhnya, maka kedapatan beberapa kaedah baru sebagai berkesan untuk diteruskan.

Perlu diingat, adalah tidak mustahil krisis seumpama pandemik akan terjadi lagi dimasa akan datang. Oleh itu, mustahak bagi kita untuk sentiasa bersedia dengan membina sistem yang lebih berdaya tahan bagi menangani apa jua krisis yang melanda.

Bagi Kementerian Pendidikan adalah perlu fokus kepada menyediakan persekitaran yang selamat dan sihat untuk semua pelajar, dari peringkat awal pendidikan sehinggalah ke peringkat pengajian tinggi. Para guru pula perlu diberikan dorongan padu oleh pihak Kementerian dengan memastikan *professional development* mereka terus diberikan perhatian. Kesejahteraan para guru mesti diambil berat. Beta berharap dengan tertubuhnya Unit Kesejahteraan Pemimpin Sekolah dan Tenaga Pengajar di Kementerian Pendidikan pada tahun 2021, isu kesihatan dikalangan tenaga pengajar akan dapat diberikan perhatian sewajarnya, dengan kerjasama pihak-pihak yang berkepentingan.

Kepada para guru, Beta menyeru supaya mereka sentiasa melengkapkan diri dengan ilmu dan kemahiran, khususnya dalam bidang Teknologi Maklumat. Beta menganggap, para guru adalah pelopor budaya pembelajaran sepanjang hayat. Beta mengambil maklum bahawa beberapa inisiatif telah dan akan terus dilaksanakan untuk memacu transformasi pendidikan di negara ini. Antara inisiatif tersebut ialah, penaiktarafan infrastruktur rangkaian info-teknologi sekolah-sekolah, pembekalan alat peranti dan data internet kepada semua para guru dan pelajar yang memerlukan. Semua ini adalah bertujuan untuk mendokong pembelajaran menggunakan teknologi, selaras dengan Pelan Transformasi Digital, Kementerian Pendidikan. Di peringkat pendidikan teknikal dan pengajian tinggi, kita alhamdulillah telahpun mendapat pengiktirafan dan ranking peringkat dunia, yang ditafsir sebagai hasil pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan kita yang berkualiti. Beta berharap usaha akan terus dibuat untuk melahirkan rakyat yang *future-proof*. Sebagai *way forward*, sudah tiba masanya untuk Kementerian Pendidikan merangka dasar dan pelan strategik bagi tujuan mencapai matlamat Wawasan Brunei 2035.

Akhirnya, Beta sekali lagi mengucapkan Selamat Hari Guru kepada semua warga guru, dan kepada para penerima Anugerah Hari Guru pula, Beta mengucapkan setinggi-tinggi tahniah. Semoga penganugerahan ini akan menjadi pencetus semangat dan motivasi bagi seluruh warga guru. Sekian,

وبالله التوفيق والهداية
والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

**PETIKAN SYAIR
AL-MARHUM SULTAN
HAJI OMAR 'ALI SAIFUDDIEN
SA'ADUL KHAIRI WADDIEN
IBNI AL-MARHUM
SULTAN MUHAMMAD JAMALUL ALAM II**

PETIKAN
SYAIR LAILA HASRAT MUDA OMAR 'ALI SAIFUDDIEN

HASIL KARYA:
AL-MARHUM SULTAN HAJI OMAR 'ALI SAIFUDDIEN
SA'ADUL KHAIRI WADDIEN

Wahai awangku muda yang sedar,
Jikanya intan hendak belajar,
Guru sebenarnya baik diunjar,
Baru mendapat ilmu yang lancar.

Jangan diturut jejak ayahanda,
Sekadar belajar sedikit saja,
Masa dan waktu tiada memada,
Leka dengan bergurau senda.

Tuntutlah ilmu bersungguh-sungguh,
Disertai dengan hati yang patuh,
Ibarat tanaman pastilah tumbuh,
Dapatlah nikmat buah diluruh.

Buahnya dapat kita nikmati,
Lebih-lebihan kita bahagi,
Kepada siapa yang menghendaki,
Tidak sekali mendapat rugi.

Khas dipetik dari
Syair Nasihat Muda Omar 'Ali Saifuddin
Terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan
Negara Brunei Darussalam
Edisi 2008, Muka Surat 9 & 10

هَذَا يَوْمٌ
مُبَارَكٌ

23 SEPTEMBER

HG33

SAMBUTAN
Hari Guru Ke-33

**HURAIAN TEMA SEMPENA
SAMBUTAN HARI GURU
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
KE-33 TAHUN 2023**

GURU BERKUALITI PEMACU TRANSFORMASI PENDIDIKAN

Transformasi bererti perubahan sifat, sikap, fungsi tingkah laku ke arah yang lebih baik. Pendidikan adalah proses yang dilaksanakan secara sistematik bagi merealisasikan pengajaran dan pembelajaran yang boleh membangun kapasiti dan potensi diri pelajar.

Transformasi Pendidikan merujuk kepada proses perubahan dalam memajukan perkembangan Sistem Pendidikan Negara Brunei Darussalam yang berpaksikan nilai-nilai murni ajaran agama Islam serta tadbir urus yang menerapkan prinsip Maqasid Syariah. Salah satu aspek penting dalam proses ini ialah penekanan terhadap pembangunan professional guru yang bersandarkan kompetensi dan kemahiran yang diperlukan menerusi kepelbagaian program dan latihan pembangunan yang relevan dan berancang. Kepentingan pembangunan dan pengupayaan sedemikian ini adalah selaras dengan hasrat untuk melahirkan warga pendidik yang berkualiti tinggi, yang memiliki sahsiah yang teguh, berfikiran rasional, inovatif, kreatif serta mempunyai daya tahan dan jati diri yang kental dengan terus peka kepada tren evolusi pendidikan global.

Selaras dengan Matlamat 1 Wawasan Brunei 2035 iaitu Rakyat Yang Berpendidikan Tinggi, Berkemahiran dan Berjaya, sektor pendidikan terus berperanan penting ke arah merealisasikan hasrat ini, khususnya dalam menerokai pendekatan-pendekatan serta kaedah-kaedah baru dalam konteks transformasi pendidikan yang mampu memberikan impak positif besar terutamanya ke atas pengajaran dan pembelajaran di setiap institusi pendidikan di negara ini. Natiujahnya, keberkesanan dalam sistem pendidikan ini nanti akan diterjemahkan sebagai berupaya membekalkan pelajar-pelajar dengan pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan bukan sahaja dari sudut kejayaan dalam kehidupan masing-masing malah menyumbang kepada kemajuan dan pembangunan negara yang merentasi pelbagai bidang, bilamana mereka menjadi aset negara yang berpendidikan, berkemahiran dan berjaya.

Dalam masa yang sama, transformasi pendidikan itu juga perlu menitikberatkan kepentingan Pendidikan Awal Kanak-Kanak sebagai asas kukuh kepada pembangunan kemahiran kognitif, kreatif dan keyakinan kanak-kanak. Ini adalah sejajar dengan objektif strategik Kementerian Pendidikan ke arah memastikan kesamaan dan kesaksamaan dalam pendidikan sebagai tunjang utama kepada keterangkuman (*inclusivity*) dalam penyediaan pendidikan yang juga berteraskan amalan pedagogi yang berkualiti tinggi.

Bagi meraih potensi teknologi digital masa kini, semua pihak khususnya para guru sama-sama memainkan peranan ke arah memastikan kejayaan sepenuhnya transformasi digital yang diterokai dalam sistem pendidikan negara. Apa yang pasti adalah keberhasilan yang disasarkan menerusi kecanggihan pendekatan serta kaedah baru dalam pengajaran dan pembelajaran yang dapat membantu meningkatkan lagi pencapaian setiap pelajar. Namun, dalam mengadaptasikan kemodenan era teknologi digital, sistem pendidikan negara ini akan terus menekankan soal keberadaban orang Brunei yang berlandaskan falsafah Melayu Islam Beraja dengan sentiasa berpegang teguh kepada nilai-nilai serta ajaran ugama Islam.

Kesimpulannya, keperluan dalam memacu transformasi pendidikan dari peringkat awal kanak-kanak sehingga ke peringkat pengajian tinggi memerlukan para guru untuk sentiasa meningkatkan pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan sesuai dengan tuntutan kemahiran abad ke-21 agar terus berupaya menelusuri arus perubahan yang berlaku dalam sistem pendidikan dari semasa ke semasa.

هَذَا يَوْمٌ
مُبَارَكٌ

23 SEPTEMBER

HG33

SAMBUTAN
Hari Guru Ke-33

**PENERIMA-PENERIMA
ANUGERAH HARI GURU
KE-30, KE-31 DAN KE-32
TAHUN 2020 HINGGA 2022**



**PENERIMA ANUGERAH HARI GURU KE-30 TAHUN 2020
ANUGERAH PENDIDIKAN
SULTAN HAJI OMAR 'ALI SAIFUDDIEN**



**YANG BERTHORMAT
PEHIN ORANG KAYA INDERA PAHLAWAN
DATO SERI SETIA AWANG HAJI SUYOI BIN HAJI OSMAN**

PENERIMA ANUGERAH GURU BERJASA

HARI GURU KE-30 TAHUN 2020



Yang Mulia Profesor Madya
Dr. Awang Haji Hashim bin Haji Abd Hamid



Yang Mulia Datin Paduka Dayang Hajah Azizah
binti Panglima Asgar Dato Paduka Haji Abdullah

HARI GURU KE-31 TAHUN 2021



Yang Mulia Awang Haji Md Daud
@ Haji Mokti bin Taha



Yang Mulia Datin Paduka
Dr. Dayang Hajah Masnon binti Haji Ibrahim

HARI GURU KE-32 TAHUN 2022



Yang Mulia Datin Paduka
Dayang Hajah Zasia binti Sirin



Yang Mulia Dr. Awang Haji Azaharaini
bin Haji Mohd Jamil

PENERIMA ANUGERAH HARI GURU KE-30 TAHUN 2020 ANUGERAH GURU CEMERLANG



Yang Mulia
Dr. Awang Yabit bin Alas



Yang Mulia Dayang Ilzam
binti Haji Zainul Abidin



Yang Mulia Dayang Hajah
Norhalizah binti Haji Raub



Yang Mulia Dayang Hajah Norain
binti Haji Momin



Yang Mulia Awang Haji Shahnnon
bin Awang Haji Ahmad



Yang Mulia Dayang Alija
binti Awang Jafar



Yang Mulia
Awang Norjemee bin Jenek



Yang Mulia Dayang Hajah
Mariam binti Haji Ladi

PENERIMA ANUGERAH HARI GURU KE-31 TAHUN 2021 ANUGERAH GURU CEMERLANG



Yang Mulia Profesor Madya Dr. Dayang Mas
Rinawati binti Haji Abdul Hamid



Yang Mulia Dayang Hajah Rashidah
binti Mohd Alai



Yang Mulia Dayang Hajah Noormah
Azrayati binti Haji Mohd Noor



Yang Mulia Awang Mohd Amir Irwan
bin Haji Moksini



Yang Mulia Dayang Siti Noorani
binti Haji Norali



Yang Mulia Dayang Hajah Maidah
binti Haji Abd Rahman



Yang Mulia Dayang Hajah Norsaidah
binti Haji Hassan

PENERIMA ANUGERAH HARI GURU KE-32 TAHUN 2022 ANUGERAH GURU CEMERLANG



Yang Mulia Dr. Dayang Hajah
Lilly Suzana binti Haji Shamsu



Yang Mulia Dayang Nurdiyanah
Goh binti Abdullah



Yang Mulia
Dayang Leong Hui Yun



Yang Mulia Dayang Farah Dizza
binti Abu Kassim



Yang Mulia Dayang Hajah Siti
Shahlawati binti Haji Besar



Yang Mulia Dayang Saridah
binti Haji Maarub



Yang Mulia Dayang Reini
binti Haji Bujang



Yang Mulia Awang Haji Yahya
bin Haji Abd Rahman

PENERIMA ANUGERAH HARI GURU KE-30 TAHUN 2020 ANUGERAH PENGHARGAAN HARI GURU (*SPECIAL MENTION*)



Yang Mulia Dr. Dayang
Hajah Ena Kartina
binti Haji Abdul Rahman



Yang Mulia Profesor Madya
Dr. Dayang Masitah
binti Shahrill



Yang Mulia Dayang
Nuwairani Azyyati
binti Haji Sahidi



Yang Mulia Dayang
Noorainah binti Idris



Yang Mulia
Dayang Mata Anak Bujing



Yang Mulia Dayangku Irdawati
binti Pengiran Haji Sulaiman



Yang Mulia Dayang Hajah
Norhayati binti Haji Yahya



Yang Mulia Awang Haji Azrin
bin Haji Tunjang



Yang Mulia Dayang Hajah
Masnoh binti Haji Mahali



Yang Mulia Dayang Hajah
Rafeah binti Haji Salleh



Yang Mulia Dayang Noor
Hayati binti Haji Emran



Yang Mulia Dayang
Norlipah binti Haji Kalong



Yang Mulia Dayang Hajah
Norlia binti Pengarah Haji
Abdullah / Haji Hidup



Yang Mulia Dayang
Masjuana Anak
Mardandana

PENERIMA ANUGERAH HARI GURU KE-30 TAHUN 2020 ANUGERAH PENGHARGAAN HARI GURU (*SPECIAL MENTION*)



Yang Mulia Dayang Azlina
@ Nurul Afiqah Dhabitah
binti Haji Ali



Yang Mulia Dayang
Masnah binti Abdullah



Yang Mulia Dayang
Juliana binti Mohd Kadir
Jalani



Yang Mulia Dayang
Hajah Rahmah @ Hajah
Rogayah binti Ali



Yang Mulia Dayang Hajah
Khamsiah binti Awang Haji
Mohd Said



Yang Mulia Dayang Hajah
Muizzah binti Haji Mohd Nor



Yang Mulia Awang Manuel
Inosanto Victoria



Yang Mulia Awang Haji Ismail bin
Haji Burut @ Haji Maidin



Yang Mulia
Dayang Kwan Fui San



Yang Mulia
Dayang Mili Santhosh



Yang Mulia
Dayang Chiam Lay Kuan



Yang Mulia Dayang Hajah
Hajidah binti Haji Abdul
Wahab



Yang Mulia Dayang Hajah
Hasnah binti Awang Haji
Tengah @ Tengah



Yang Mulia Awang Haji
Muhammad Zuwaini
bin Haji Aliyani

PENERIMA ANUGERAH HARI GURU KE-31 TAHUN 2021 ANUGERAH PENGHARGAAN HARI GURU (*SPECIAL MENTION*)



Yang Mulia Dr. Awang
Tan Soon Jiann



Yang Mulia
Dr. Dayang Hajah Sallimah
binti Haji Mohd Salleh



Yang Mulia Dayang
Atiqah Norsauzelah
binti Haji Abdullah



Yang Mulia Awang Amir
Hazwan bin Haji Junaidi



Yang Mulia Dayang Hajah Arni
binti Haji Besar



Yang Mulia Dayang Rosnah Wati
binti Haji Mohamad



Yang Mulia Dayang Suraya
binti Haji Julaihi



Yang Mulia Dayangku
Hajah Siti Ra'bayaeiah
binti Pengiran Haji Othman



Yang Mulia Awang
Mohammad Andy Tan
bin Abdullah



Yang Mulia
Dayang Hajah Limah
binti Haji Lusin



Yang Mulia Dayang Siti
Hawa binti Haji Md Said

PENERIMA ANUGERAH HARI GURU KE-31 TAHUN 2021 ANUGERAH PENGHARGAAN HARI GURU (*SPECIAL MENTION*)



Yang Mulia
Dayang Sujinah binti Mejari



Yang Mulia Dayang
Hajah Noorain binti Haji
Wahdaly



Yang Mulia Dayang Hajah
Norhayati binti Haji Md
Yassin



Yang Mulia Dayang
Hajah Zaiton binti Haji
Ahmad



Yang Mulia Dayang
Noriah binti Naim



Yang Mulia Awang
Mahardi bin Haji Abdul
Rahman



Yang Mulia Dayang
Wena Ninatasha
binti Haji Hamidon



Yang Mulia
Dayang Rooparani Joby



Yang Mulia
Dayang Deeparani



Yang Mulia Dayang Hajah
Kamariah binti Haji Kasah



Yang Mulia Awangku Alif
Wira Putra bin Pengiran
Awang



Yang Mulia Awang
Azmerul bin Haji Haris

PENERIMA ANUGERAH HARI GURU KE-32 TAHUN 2022

ANUGERAH PENGHARGAAN HARI GURU (*SPECIAL MENTION*)



Yang Mulia Profesor Madya
Dr. Awang Haji Mohammad
Nabil Almunawar



Yang Mulia Dr. Dayang
Syazana binti Abdullah Lim



Yang Mulia Dayangku
Mas Juleana binti
Pengiran Abd Rahman



Yang Mulia Dayang
Jacyntha Liue Gee Joo



Yang Mulia Dayang Siti
Anyafeina binti Md Ali Anwar



Yang Mulia Dayang
Norfauzilahwati binti
Mohammad Tamit



Yang Mulia Dayang
Norazliyana binti Ibrahim



Yang Mulia Dayang Norratna
binti Haji Amit



Yang Mulia
Dayang On Wan Chyi



Yang Mulia Dayang Hajah
Kostinah binti Haji Garif



Yang Mulia Dayang
Maisalamah binti Haji
Emran



Yang Mulia Dayang Hajah
Noornazatulshima binti
Sulaiman



Yang Mulia Dayang
Moraniyani binti Sapien



Yang Mulia Dayang
Maswati binti Mustapha

PENERIMA ANUGERAH HARI GURU KE-32 TAHUN 2022

ANUGERAH PENGHARGAAN HARI GURU (*SPECIAL MENTION*)



Yang Mulia
Dayang Zubaidah
binti Haji Abd Hamid



Yang Mulia
Dayang Hajah Noramalina
binti Haji Md Ali



Yang Mulia Dayang
Noraini binti Abdul Hamid



Yang Mulia Dayang
Hajah Aminah
binti Haji Abd Manaf



Yang Mulia Dayang Hajah
Farizah binti Haji Kampong
/ Haji Kamaluddin



Yang Mulia Dayang
Florede @ Juliati
binti Haji Ahmad



Yang Mulia Awang Haji
Mohammad Zulhafiz Aslam
bin Haji Omar Ali



Yang Mulia Dayang Faridah
binti Haji Mustapa



Yang Mulia Dayang
Jamilah R Amel



Yang Mulia Awang Jose Garth
M Borrero, Jr



Yang Mulia Dayang Noor
'Aini binti Haji Yussof



Yang Mulia Dayang
Hamidah binti Haji Daud



Yang Mulia Dayang
Julianawati binti Haji
Hamdan



Yang Mulia Awang Haji
Amran bin Jalil

هَذَا يَوْمٌ
مُبَارَكٌ

23 SEPTEMBER

HG33

SAMBUTAN
Hari Guru Ke-33

RISTAAN MAJLIS SAMBUTAN HARI GURU KE-32 TAHUN 2022











**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH
MU'IZZADDIN WADDAULAH IBNI AL-MARHUM SULTAN HAJI OMAR 'ALI SAIFUDDIEN
SA'ADUL KHAIRI WADDIEN, SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM,
BERGAMBAR RAMAI DENGAN AHLI-AHLI JAWATANKUASA TERTINGGI
DAN PENERIMA-PENERIMA ANUGERAH HARI GURU KE-32 TAHUN 2022**

هَذَا يَوْمٌ
مُبَارَكٌ

23 SEPTEMBER

HG33

SAMBUTAN
Hari Guru Ke-33

KHUTBAH KHAS SEMBAHYANG FARDHU JUMAAT SEMPENA SAMBUTAN HARI GURU KE-32 TAHUN 2022

GURU BERKUALITI PEMACU TRANSFORMASI PENDIDIKAN

Muslimin yang dirahmati Allah,

BERTAQWALAH kita kehadiran Allah Subhanahu Wata'ala dengan sebenar-benar taqwa iaitu dengan meningkatkan keimanan kepadanya. Sesungguhnya orang yang paling mulia disisi Allah Subhanahu Wata'ala itu ialah orang yang paling bertaqwa. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang sentiasa mengingati Allah Subhanahu Wata'ala, beroleh kejayaan dan keselamatan di dunia dan juga di akhirat.

Jemaah yang dirahmati Allah,

Ilmu adalah pelita hidup yang amat penting dan sangat berguna dalam kehidupan kita. Ini kerana ilmu akan dapat membantu kita berjaya di dunia dan di akhirat.

Apabila kita memperkatakan ilmu dan pendidikan, maka para guru dan para pendidikan adalah golongan yang amat penting dan bertanggungjawab dalam menyampaikan, mengajar, memperkaya dan memperkasa para pelajar serta masyarakat dengan pelbagai ilmu pengetahuan dan juga kemahiran sehingga menjadi insan yang berilmu, berjaya dan berakhlak mulia.

Dalam agama kita, mengajarkan ilmu yang bermanfaat itu adalah amalan yang dipandang tinggi dan dipandang mulia.

Daripada Abu Imamah Bahili, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wassallam bersabda yang maksudnya:

“Sesungguhnya Allah Subhanahu Wata'ala, para malaikat dan semua penduduk dilangit dan di bumi, sehinggakan semut di sarangnya dan ikan (di lautan) pasti berselawat (mendoakan) kebaikan bagi orang yang mengajarkan kebaikan kepada manusia. (Hadis Riwayat Imam Termizi)”

Jemaah yang dirahmati Allah,

Guru adalah insan mulia yang telah mengajar dan mendidik kita tanpa mengenal erti penat dan erti lelah. Justeru, segala kesusahan dan jerih penat yang mereka tempuhi dalam mengajar dan mendidik kita, perlulah kita hormati dan hargai.

Perlu diketahui, bahawa tugas sebagai seorang guru dan pendidik itu bukanlah suatu tugas yang mudah. Ia menuntut kepada pengorbanan dan komitmen dari segi masa, tenaga, wang ringgit dan seumpamanya. Oleh itu, antara cara yang boleh kita lakukan bagi menghargai jasa para guru dan pendidik itu, antaranya:

Pertama: Mengucapkan ucapan terima kasih sebagai tanda menghargai jasa dan menghargai kebaikan mereka. Ini kerana ada kalanya kebaikan seseorang itu tidak mampu untuk kita balas dalam bentuk perbuatan, harta benda ataupun kewangan namun dengan ucapan terima kasih adalah sudah mencukupi sebagai tanda pujian dan penghargaan terhadap kebaikan tersebut.

Daripada Usamat bin Zaid Radiallahu Anhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wassallam bersabda:

“Barangsiapa yang diperlakukan dengan baik kemudian dia mengucapkan Jazakallahukhaira (Semoga Allah membalas kebaikanmu dengan sebaik-baik pembalasan), maka sungguh dia telah memberikan pujian yang terbaik. (Hadis Riwayat Imam Termizi)”

Kedua: Mengamalkan segala ilmu yang telah mereka curahkan.

Ketiga: Sentiasa mengeratkan hubungan silaturahim walaupun telah tamat pengajian.

Keempat: Mendoakan kesejahteraan dan kebaikan untuk mereka. Manakala bagi guru-guru yang telah kembali ke rahmatullah, sama-samalah kita mendoakan semoga dosa-dosa mereka diampunkan dan roh mereka dicucuri rahmat oleh Allah Subhanahu Wata’ala.

Selain itu, banyak yang dapat kita perolehi dengan menghormati dan menghargai guru, antaranya memperolehi kejayaan hidup di dunia dan juga di akhirat, mudah mengingati dan memahami apa yang dipelajari, membentuk peribadi serta akhlak yang mulia dan yang paling penting ialah memperolehi ilmu yang diberkati oleh Allah Subhanahu Wata’ala.

Jemaah yang dirahmati Allah,

Menjawat profesi atau kerja sebagai seorang guru dan pendidik bukanlah suatu tugas yang mudah kerana mereka perlu berhadapan dengan karenah dan perangai pelbagai pihak terutamanya para ibu bapa dan pelajar-pelajar.

Oleh yang demikian, para guru dan pendidik hendaklah sentiasa bersifat sabar dan tabah dalam mendidik dan menyampaikan ilmu pelajaran. Apa yang penting dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab sebagai seorang guru dan pendidik itu ialah untuk mencari keredhaan Allah Subhanahu Wata’ala dan berusaha demi kejayaan dan kecemerlangan anak-anak bangsa, agama dan negara.

Sesungguhnya segala jasa dan amal bakti seorang guru dan pendidik itu dalam menyampaikan ilmu yang bermanfaat kepada anak didiknya akan melayakkan dirinya mendapat ganjaran pahala yang sentiasa berterusan, meskipun setelah guru itu pergi menghadap ilahi.

Daripada Abu Hurairah Radiallahu Anhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wassallam bersabda yang maksudnya:

“Sesungguhnya yang didapati oleh orang yang beriman dari amalan dan kebaikan yang ia lakukan setelah ia mati adalah ilmu yang ia ajarkan dan sebarkan, anak soleh yang ia tinggalkan, menghafaz Al-Qur’an yang ia wariskan atau masjid yang ia bangun atau rumah bagi ibnu sabil (musafir yang terputus perjalanan) yang ia bangun atau sungai yang ia alirkan atau sedekah yang ia keluarkan dari hartanya ketika ia sihat dan hidup. Semua amalan tersebut sentiasa akan mengiringi dirinya setelah kematiannya. (Hadis Riwayat Ibnu Majah)”

Jemaah yang dirahmati Allah,

Alhamdulillah pada 23 September setiap tahun, negara kita Brunei Darussalam menyambut Sambutan Hari Guru. Sambutan ini merupakan satu pengiktirafan yang tinggi terhadap para guru dan pendidik di negara ini yang telah berjasa terhadap pembangunan masyarakat dan negara.

Guru Berkualiti Pemacu Transformasi Pendidikan ialah tema Sambutan Hari Guru pada tahun ini. Guru berkualiti ialah guru yang memiliki syakhsiah yang teguh dan tinggi yang boleh dicontohi, mempunyai pengetahuan yang luas dan mendalam tentang aspek dan bidang pengajaran dan pembelajaran yang bersesuaian dengan tahap kebolehan pelajar yang diajar. Ini didokong oleh ciri-ciri sikap yang berkualiti termasuk sentiasa berfikiran positif, terbuka dan mampu beradaptasi dengan setiap perubahan mengikut rentak revolusi pendidikan yang pantas.

Guru yang berkualiti adalah guru yang memenuhi keperluan pelajar dalam pelbagai aspek sama ada dari segi pengajaran dan pembelajaran, syakhsiah, kemahiran, kepakaran dan pengurusan. Guru yang berkualiti juga merupakan pemacu transformasi pendidikan ke arah merealisasikan pendidikan yang berkualiti sebanding dengan negara-negara maju.

Akhirnya buat insan yang bergelar guru dan pendidik, sama-samalah kita berdoa kehadiran Allah Subhanahu Wata'ala agar mereka sentiasa istiqomah serta diberikan kekuatan dan kesabaran dalam mendidik dan membimbing anak watan. Semoga diberikan ganjaran oleh Allah Subhanahu Wata'ala. Mudah-mudahan Allah Subhanahu Wata'ala sentiasa memberi petunjuk, inayah dan rahmat kepada para guru dan pendidik sama ada yang masih hidup ataupun yang telah kembali ke rahmatullah. Amin Ya Rabbal Alamin.

Surah Al-Mujadilah ayat 11 tafsirnya:

“Wahai orang-orang yang beriman! Apabila dikatakan kepada kamu: “Lapangkanlah tempat duduk di majlis-majlis (untuk orang lain),” Maka lapangkanlah, nescaya Allah memberi kelapangan untuk kamu. Dan apabila dikatakan: “Berdirilah,” hendaklah kamu berdiri, nescaya Allah meninggikan orang-orang yang beriman antara kamu dan orang-orang yang diberi ilmu pengetahuan agama beberapa darjat. Dan Allah Maha Teliti terhadap apa yang kamu kerjakan.”

Wassalam.

هَذَا يَوْمٌ
مُبَارَكٌ

23 SEPTEMBER

HG33

SAMBUTAN
Hari Guru Ke-33

**INISIATIF-INISIATIF
DALAM
PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN**



1

- **PENDIDIKAN AWAL**
KANAK-KANAK
EARLY CHILDHOOD
EDUCATION

2

- **PENDIDIKAN INKLUSIF**
INCLUSIVE EDUCATION

3

- **KEMAHIRAN BAGI** ...
PERSEDIAAN MASA DEPAN
FUTURE-READY SKILLS

5

- **MEMBANGUNKAN GURU BERKUALITI & PERKASA**
DEVELOPING QUALITY & EMPOWERED TEACHERS

4

- **PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT**
LIFELONG LEARNING

6

- **TRANSFORMASI DIGITAL**
DIGITAL TRANSFORMATION

7

- **KERJASAMA DENGAN PIHAK BERKEPENTINGAN**
COLLABORATION WITH STAKEHOLDERS

Kepentingan Pendidikan Awal untuk Perkembangan Kanak-Kanak

Dalam usaha meningkatkan tahap literasi kanak-kanak, beberapa kaedah telah diperkenalkan seperti kaedah gabungan bunyi kata, kaedah fonik, kaedah pandang dan sebut, kaedah abjad dan kaedah suku kata.



Seorang murid Pra Dua di Taman Asuhan Kanak-Kanak (TASKA) Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah belajar mengeja dan menulis nama.



Aktiviti fonik bagi murid-murid prasekolah iaitu menulis perkataan Konsonan-Vokal-Konsonan (KVK) secara bebas dengan menggunakan bunyi.



Pelajar-pelajar prasekolah diberikan pendedahan kepada pelbagai jenis kuih-muih tradisional tempatan Brunei Darussalam.



Pelajar-pelajar prasekolah melakukan aktiviti kokurikulum.

Memberikan Peluang yang Sama dan Saksama kepada Semua Pelajar

Inisiatif penghasilan Rangka Kerja Pendidikan Khas adalah bertujuan untuk menggariskan elemen-elemen penting dalam penyediaan program dan perkhidmatan pendidikan khas.



Yang Mulia Awang Aliuddin bin Haji Abdul Rahman, Timbalan Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras) menyampaikan sijil Kursus Pengenalan Pendidikan Khas.



Pelancaran Pakej Bahan Rujukan Pendidikan Khas iaitu Buku Rangka Kerja Pendidikan Khas, Buku Kurikulum Pendidikan Khas dan Risalah Pendidikan Khas.



Pelajar Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) mengikuti aktiviti mobiliti dan orientasi semasa Aktiviti Kesedaran Awam.



Pelajar Berkeperluan Khas sedang mengikuti aktiviti pembelajaran di salah sebuah *Center of Excellence*.

Pelajar berkeperluan khas juga berpeluang mengikuti pembelajaran di sekolah agama. Mereka yang memenuhi syarat akan mengikuti Peperiksaan Sijil Sekolah-Sekolah Rendah Agama yang diadaptasi dan dimodifikasi mengikut keperluan.



Sesi pembelajaran agama bagi murid berkeperluan khas dengan melakukan aktiviti *hands-on*.



Pelajar berkeperluan khas berpeluang menyertai pertandingan hafazan ayat-ayat Al-Quran bagi sekolah-sekolah rendah kerajaan senegara.

Kemahiran Masa Depan (*Future-Ready Skills*) untuk Membentuk Pelajar yang Berkebolehsuaian dan Berdaya Saing



(Dari kiri ke kanan) Para pelajar melakukan aktiviti secara berpasukan dengan tema *Team Building* semasa sesi *Science, Technology, Engineering, Art (Innovation) and Mathematics (STEAM) Outreach* yang diadakan di Maktab Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah (MDPMAMB), Sekolah Menengah Pengiran Isteri Hajah Mariam (SMPIHM) dan Sekolah Rendah Batang Mitus.



Pelajar-pelajar sedang mengikuti aktiviti di bawah Program *21st Century Learning Development* iaitu program anjuran bersama Kluster 6, Jabatan Sekolah-Sekolah Cawangan Kuala Belait, Brunei Shell Petroleum dan Seria Energy Lab.

Para peserta Cabaran *Science, Technology, Engineering, Art (Innovation) and Mathematics (STEAM) & Inovasi Reka Bentuk Kebangsaan (STEAM) & Inovasi Reka Bentuk Kebangsaan* iaitu pertandingan *Formula 1* berbentuk akademik.

Pendedahan kepada Alam Pekerjaan untuk Meningkatkan Kebolehpasaran Pelajar

Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) telah memperkenalkan program Sijil Kebangsaan Pendidikan Teknik (NTec) dan Sijil Tertinggi Kebangsaan Pendidikan Teknik (HNTec) berjangka pendek iaitu tiga ke enam bulan dan Universiti Islam Sultan Sharif Ali juga mengungkapkayahkan program Latihan Industri di bawah skim At-Tamayyuz bagi membolehkan para pelajar menimba pengalaman kerja.



Tangkapan skrin sewaktu satu sesi pembentangan mengenai skim program At-Tamayyuz yang ditawarkan oleh Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA).



18 orang pelajar dari Kolej International Graduate Studies (KIGS) menghadiri program *Global Classroom* yang diadakan pada 3 hingga 18 September 2023. Program ini membolehkan para pelajar untuk berinteraksi bersama pakar-pakar dalam industri bagi memperkaya ilmu mereka mengenai alam pekerjaan.

Pembelajaran Sepanjang Hayat Memperkukuhkan Kemahiran untuk Perkembangan dan Kemajuan Individu

Pusat Pembelajaran Sepanjang Hayat menawarkan program-program perkembangan tenaga kerja, perkembangan komuniti dan perkembangan peribadi.

Antara program dan aktiviti Pembelajaran Sepanjang Hayat di bawah tunggak perkembangan tenaga kerja:



Program *Health, Safety and Environment (HSE)*.



Kelas malam bagi peringkat GCE & IGCSE 'O' Level dan GCE 'A' Level.



Taklimat kerjaya.



Program *industry Learn and Excel Apprenticeship Programme (iLEAP) Marking-Fitting*.

Antara program dan aktiviti Pembelajaran Sepanjang Hayat di bawah tunggak perkembangan komuniti:



Program *hand embroidery*.



Program jahitan (*knitting*).



Program masakan untuk golongan muafaf.

Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) memperkenalkan *IBTE Centre of Technology Enhancement Learning (CTEL)* sebagai pusat teknologi dan pembelajaran setempat.



Bangunan *IBTE Centre of Technology Enhancement Learning (CTEL)* yang terletak di bangunan Pendidikan Lanjutan IBTE, Gadong telah ditubuhkan pada bulan September 2022.

Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) juga memberikan peluang kepada para graduannya untuk mengikuti kursus ataupun program melalui Pusat Kepimpinan dan Pembelajaran Sepanjang Hayat dengan pembiayaan ditanggung ataupun diberikan potongan harga oleh Tabung Persatuan Alumni universiti berkenaan.



Beberapa bengkel dan kursus yang telah diungkahyakan oleh Pusat Kepimpinan dan Pembelajaran Sepanjang Hayat, UNISSA.

Sumber Tenaga Pengajar yang Berkualiti dan Diperkasa Merupakan Kunci kepada Pendidikan yang Efektif

Jabatan Pengurusan Pendidik telah melaksanakan program-program perkembangan profesional melalui Persidangan Hari Guru, Seminar Pakar Pendidikan dan Konvensyen Pemimpin Sekolah ke arah mempertingkatkan transformasi sumber tenaga pengajar.



Acara Persidangan Hari Guru Tahun 2022 pada 28 dan 29 September 2022 bertempat di Dewan Canselor, Universiti Brunei Darussalam dengan tema *Building a Resilient Education Ecosystem*.



Majlis Konvensyen Pemimpin Sekolah kali ke-5 Tahun 2023 telah diadakan pada 3 dan 4 Mei 2023 bertempat di Dewan Persidangan BRIDEX dengan tema *Quality Leaders, Quality Education*.

Seminar Pakar Pendidikan Tema: *Contemporary Specialisation in Educational Practices towards Education*

Seminar Pakar Pendidikan Tahun 2021 memfokuskan kepada subtema *Curriculum and Innovation Towards Education Excellence*.



Sesi soal jawab dan perbincangan bersama Profesor Awang Zongyi Deng yang dikendalikan oleh Penolong Kanan Profesor, Institut Pendidikan Sultan Hassanal Bolkiah (SHBIE), Universiti Brunei Darussalam, Dr. Dayang Hajah Sallimah binti Haji Mohd Salleh.



Sesi soal jawab bersama penyampai ucapnama Seminar Pakar Pendidikan Dr. Awang Andreas Schleicher, Director for Education and Skills at the Organisation for Economic Co-operation and Development (OECD) Paris.

Seminar Pakar Pendidikan kali ke-2 Tahun 2022 memfokuskan kepada subtema *Education Assessment and Research Development Towards Education Excellence*.



Sesi dialog Ketua-Ketua Jabatan bersama para Pakar Pendidikan yang diadakan pada hari kedua seminar.



Para peserta Program Pakar Pendidikan membentangkan hasil kerja berkumpulan mereka menggunakan *Gap Analysis Framework*.

Seminar Pakar Pendidikan kali ke-3 Tahun 2023 telah diadakan pada 22 Jun 2023 di Dewan Persidangan BRIDEX. Pada tahun 2023, seminar ini memfokuskan kepada subtema *Inclusiveness in Developing Holistic Education Towards Education Excellence*. Seminar pada tahun ini diselajurkan dengan majlis pelancaran Buku *Brunei Darussalam Education Specialist Competency Framework (BDESCF)*.



Ucuptama oleh Yang Mulia Profesor Madya Dr. Dayang Sharifah Mariam Aljunied, Pakar Psikologi Pendidikan Utama dari Kementerian Pendidikan, Republik Singapura.



Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Dayang Hajah Romaizah binti Haji Md Salleh, Menteri Pendidikan melawat pameran dan berinteraksi bersama pelajar daripada Sekolah Menengah Sayyidina Ali, Kuala Belait.



Gambar ramai ahli-ahli jawatankuasa Seminar Pakar Pendidikan kali ke-3 tahun 2023 bersama Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Dayang Hajah Romaizah binti Haji Md Salleh, Menteri Pendidikan.

Pembangunan Kapasiti Guru

Akademi Kepimpinan dan Guru Brunei Darussalam (BDLTA) menawarkan program perkembangan profesional bagi para pendidik.



Guru-guru Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan mengikuti kursus bagi meningkatkan kesedaran dan pemahaman mengenai kompetensi teras 'Memperkembangkan dan Mempertingkatkan Amalan Profesional' dan 'Mengamalkan Amalan Profesional' mengikut Rangka Kerja Piawaian dan Kompetensi Kepimpinan Sekolah Brunei Darussalam.



Kursus Modular: MGP2003 *Developing Leaders for Collaborative Action Research* yang bertujuan untuk meningkatkan Pengetahuan Pedagogi Isi Kandungan (PPIK).



Kursus Modular: MGP4103 *Bringing the Real World into the Classroom* bagi menerokai 6C (*Critical Thinking, Communication, Collaboration, Creativity, Citizenship and Character*) Pendidikan abad ke-21 dan cara-cara untuk mengaitkan dunia sebenar dalam pembelajaran pelajar.



Kursus Modular: MGP 3703 *Actionable Feedback to Empower Self-Regulated Learners* yang antara lainnya bertujuan untuk meningkatkan keupayaan guru untuk menghasilkan maklum balas yang menggalakkan tindak balas pelajar.



Kursus IL203
Design Thinking
pada 6, 11, 15 dan 29 Oktober 2022.



Kursus IL106
Teacher as Researcher
pada 9 dan 16 November 2022.



Kursus CM201
Leadership Alignment in Leading Change
pada 14, 16, 17 dan 21 Januari 2023.



Kursus IL303
Leading an Action Research Culture
pada 30 dan 31 Januari 2023.



Kursus CE201
Online Ethics
pada 2 dan 6 Februari 2023.



Kursus SP301
Strategic Leadership
pada 14, 16, 18, 20 dan 21 Mac 2023.



Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) menubuhkan Akademi Pendidikan Latihan Teknikal dan Vokasional. Akademi ini bertujuan untuk melatih guru-guru yang baru berkhidmat dan menyediakan kursus perkembangan kepada tenaga-tenaga pengajar dalam pendidikan teknikal dan vokasional.



Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Dayang Hajah Romaizah binti Haji Md Salleh, Menteri Pendidikan, selaku Pengerusi Lembaga Pengelola IBTE hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya merasmikan Akademi Pendidikan Latihan Teknikal dan Vokasional.

Kementerian Hal Ehwal Ugama pula menjalankan Program At-Tatweer yang bertumpu kepada pembangunan profesional para guru di bawah Kementerian berkenaan. Program Tahsin Qira'atil Quran pula bertujuan bagi meningkatkan kemahiran sedia ada guru-guru ugama dalam pembacaan al-Quran melalui pelbagai bentuk latihan seperti kursus, ulangkaji, murattal, bengkel dan kongsisama.



Pelaksanaan Program Tahsin Qira'atil Quran.

Kesejahteraan Para Pemimpin Sekolah dan Tenaga Pengajar

Unit Kesejahteraan Pemimpin Sekolah dan Tenaga Pengajar (UKPSTP) telah ditubuhkan pada tahun 2022. Unit ini berperanan untuk membantu pemimpin sekolah dan tenaga pengajar dengan memberikan khidmat sokongan melalui kaunseling. Unit ini dianggotai oleh pegawai-pegawai yang berkelulusan dalam jurusan Psikologi dan Kejururawatan Kesihatan Mental bagi mencapai perkhidmatan yang efektif.



Para guru melakukan aktiviti senaman ringan sambil duduk dan mempelajari teknik bernafas dalam program *Reach Out Program for Educators (ROPEs)* sebagai strategi-strategi penjagaan diri yang dapat diterapkan ke dalam kehidupan seharian sebagai seorang guru.



